

Perak bukan negeri miskin

SAIFULLAH AHMAD
7 SEPTEMBER 2016

IPOH - Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan mahupun membuat kesimpulan bahawa Perak sebagai negeri kedua termiskin di Malaysia.

Pengarah Urusannya, Datuk Charon Mokhzani berkata, gambaran yang dibuat sesetengah pihak terhadap laporan itu tidak tepat kerana laporan tersebut hanya berkisar tentang pendapatan isi rumah mengikut negeri.

Menurutnya, berdasarkan laporan, memang ada rakyat miskin di negara ini iaitu purata pendapatan isi rumah kurang RM940 di bandar dan RM870 di luar bandar sebulan.

“Tidak ada satu pun negeri di Malaysia yang boleh dikatakan miskin kerana kemiskinan di Malaysia hampir tiada, walaupun memang ada yang masih miskin, tetapi hanya 0.6 peratus.

“Laporan menyatakan ada negeri miskin dengan merujuk kepada laporan KRI adalah tidak tepat kerana apa yang ditunjukkan dalam laporan berkenaan adalah jumlah pendapatan isi rumah,” katanya pada sidang media di Hotel Casuarina@Meru.

Hadir sama, Exco Kerajaan Negeri, Datuk Mohammad Zahir Abdul Khalid.

Charon berkata, apa yang ditunjukkan di dalam laporan itu adalah purata pendapatan isi rumah mengikut negeri, misalnya 64.4 peratus keseluruhan isi rumah di Kuala Lumpur mempunyai pendapatan purata lebih RM6,000 sebulan.

Katanya, angka RM6,000 sebulan itu diambil berdasarkan purata pendapatan isi rumah kebangsaan iaitu RM6,141.

“Laporan analisis yang dibuat oleh KRI itu adalah berdasarkan data daripada Jabatan Perangkaan 2014 yang dikeluarkan tahun lalu.

“Sekiranya dilihat daripada beberapa indikator, Perak jauh lebih baik daripada beberapa negeri lain. Sebagai contoh, capaian kepada perkhidmatan utiliti di Perak,

seperti kemudahan elektrik, boleh dikatakan hampir mencapai 100 peratus," katanya.

Sementara itu, Mohammad Zahir berkata, kerajaan negeri berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan oleh pihak KRI.

Menurutnya, usaha KRI memberi penjelasan tentang laporan kepada kerajaan negeri amat dihargai.

"Kita berbincang dengan cukup panjang lebar bersama-sama menteri besar dalam suasana yang cukup baik dan kita mengalu-alukan kesediaan KRI untuk berjumpa dan memberi penjelasan kepada kita.

"Kita bersama Unit Perancang juga merancang bekerjasama untuk melihat beberapa bidang penyelidikan yang boleh menghasilkan pengumpulan data lebih baik bagi membantu sama ada pelabur dan pembuat dasar," katanya.